

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 MEI 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

Subsidi bersasar diumum akhir tahun

Subsidi bersasar diumum akhir tahun

Opsyen mekanisme baharu ICPT munasabah kepada pengguna elektrik di Semenanjung diteliti

Oleh NAZRIN ZULKAFLI
KUALA LUMPUR

Kerajaan dijangka mengumumkan subsidi bersasar tarif elektrik hujung tahun ini setelah sistem Pangkalan Data Utama (PADU) siap sepenuhnya.

Menyatakan hal itu, Menteri Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, ketika ini pihaknya sedang meneliti opsyen mekanisme baharu

Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) munasabah kepada pengguna elektrik di Semenanjung bagi tempoh 1 Julai hingga 1 Disember 2023.

Beliau berkata, ia hanya adalah berdasarkan jumlah penggunaan elektrik mengikut kediaman bagi kategori domestik terutama yang menggunakan dengan kadar yang tinggi.

"Kita mahu memastikan jika sebelum ini model pembangunan negara adalah ekonomi kos rendah, kita mahu menjadi ekonomi nilai tinggi dan kita juga mahu mencapai kecekapan tenaga serta peralihan kepada tenaga boleh baharu.

"Hanya jika kita betul-betul lepaskan kos itu kepada



NIK NAZMI

pengguna voltan tinggi dan sederhana dan pengguna besar atau T20, baru kita dapat mencapai objektif itu.

"Keputusan ICPT seterusnya akan dibuat selepas pembentangan dan persetujuan di peringkat Jemaah Menteri dalam masa terdekat," katanya di Dewan Rakyat semasa sesi pertanyaan menteri pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan asal Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) mengenai perbelanjaan subsidi yang dijamatkan kerajaan berikutnya pelarasan ICPT pada Januari lalu dan langkah lain yang sedang dirancang kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi tenaga elektrik di Malaysia.